# PELAN STRATEGIK
# ICT UPM
# 2017- 2020

# 1.0 Pengenalan

Pelan Strategik ICT UPM 2017- 2020 berpaksikan tiga matlamat utama Pelan Strategik UPM selaras dengan Pelan Strategi Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN), berpandukan misi dan visi Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) yang merupakan peneraju ICT di UPM.

Pelan strategik ini terdiri daripada enam (6) objektif strategik serta 16 pelan tindakan yang komprehensif bagi menyokong dan menjayakan matlamat ICT UPM. Ia akan dikaji semula secara berkala bagi memantau hasil pencapaian serta menilai keberkesanan aktiviti yang telah digariskan . Cadangan baharu yang berdasarkan keperluan dan pendekatan yang lebih berkesan akan dilaksanakan seiring dengan teknologi semasa .

Melalui Pelan Strategik ICT UPM (2017-2020 ), kualiti prasarana dan kemudahan ICT yang meliputi akses capaian sistem aplikasi dan perkhidmatan rangkaian akan dipertingkatkan bagi menyokong aktiviti pembelajaran dan pengajaran , penyelidikan dan pentadbiran Universiti . Ini selaras dengan matlamat pertama UPM yang akan menyumbang kepada peningkatan kualiti graduan UPM.

Sejajar dengan matlamat ke-3 UPM, bagi melonjakkan perkhidmatan jaringan industri dan masyarakat , aktiviti pemasaran kepakaran dan penjanaan sumber dari pihak industri dan komuniti bagi membangun dan melaksanakan program JINM akan dipergiatkan .

Melalui matlamat ke-5 UPM, kualiti penyampaian perkhidmatan akan dipertingkatkan berteraskan perkhidmatan guna sama yang optimum, pemerkasaan polisi dan prosedur ICT serta pengukuhan tahap keselamatan ICT.

Pemerkasaan sumber manusia dengan kemahiran ICT dan perkongsian sumber ICT secara terurus dan berpusat akan dipertingkatkan bagi memudahkan pelaksanaan , pengurusan serta pemantauan pencapaian secara dalam talian (*on line*) dan masa nyata (*real time*). Pelaksanaan transformasi pembangunan berdasarkan kebolehgunaan dan perkembangan teknologi akan dilaksanakan bagi memastikan perkhidmatan ICT UPM seiring dengan teknologi semasa.



# Pelan Strategik ICT UPM 2017– 2020



2.0 PELAN STRATEGIK ICT UPM (2017 – 2020)

## 2.1 Teras Pembangunan Pelan Strategik

1. Mempertingkat dan Memperkasa Infrastruktur & Infostruktur ICT
2. Membudayakan Perkongsian Pengetahuan dan Interaksi
3. Mempertingkat Kompetensi Personel
4. Menjamin Keselamatan ICT
5. Memantapkan Pematuhan Polisi, Prosedur dan Tadbir Urus ICT

## 2.2 Perancangan Pelan Strategik ICT UPM 2017-2020



# 3.0 KOMPONEN PELAN STRATEGIK ICT UPM 2017- 2020

## 3.1 Teras Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pengajian Tinggi)




## 3.2 Matlamat Pelan Strategik UPM 2014 - 2020

**M1** — **MATLAMAT 1**
Mempertingkatkan Kualiti dan Daya Saing Graduan

**M2** — **MATLAMAT 3**
Melonjakkan Perkhidmatan Jaringan Industri dan Masyarakat

**M3** — **MATLAMAT 5**
Mempertingkat Kualiti Tadbir Urus

4.0

# Objektif

## Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC)

1. Mensasarkan visi teknologi maklumat dan komunikasi di UPM.
2. Menjadi proaktif dalam menjangka kesan transformasi ICT ke atas pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, pentadbiran jaringan industri dan masyarakat.
3. Memudahkan perbincangan perancangan teknologi komunikasi dan maklumat pada setiap peringkat pentadbiran UPM.
4. Menggubal, membangun dan mengemaskini polisi, piawaian dan garis panduan untuk teknologi maklumat dan komunikasi di UPM.
5. Menerajui usaha merancang pelan keselamatan komputer dan rangkaian untuk seluruh UPM.
6. Membangunkan prasarana ICT secara menyeluruh melalui amalan perolehan yang profesional.

# 5.0 RINGKASAN PELAN STRATEGIK ICT UPM 2017-2020

MATLAMAT PELAN STRATEGIK UPM 2014-2020

| MATLAMAT 1<br>**Mempertingkat Kualiti dan Daya Saing Graduan** | MATLAMAT 3<br>**Melonjakkan Perkhidmatan Jaringan Industri dan Masyarakat** | MATLAMAT 5<br>**Mempertingkat Kualiti Tadbir Urus** | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **OBJEKTIF 1**<br>Menyediakan prasarana dan kemudahan bahan pengajaran dan pembelajaran untuk menggalakkan penggunaan inovasi dalam kursus | **OBJEKTIF 2**<br>Mempergiat aktiviti pemasaran kepakaran dan mendapatkan sumber dari pihak industri dan komuniti bagi membangun dan melaksanakan program JINM | **OBJEKTIF 3**<br>Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan | **OBJEKTIF 4**<br>Melaksanakan projek pembangunan infrastruktur seiring dengan teknologi semasa | **OBJEKTIF5**<br>Memperkasakan sumber manusia dengan kemahiran ICT | **OBJEKTIF 6**<br>Memperkasakan sistem aplikasi ICT |
| 2 Pelan Tindakan / 2 Program | 2 Pelan Tindakan / 3 Program | 4 Pelan Tindakan / 9 Program | 4 Pelan Tindakan / 10 Program | 2 Pelan Tindakan / 5 Program | 2 Pelan Tindakan / 6 Program |

# 6.0 Matlamat Pelan Strategik ICT UPM 2017- 2020

## Matlamat 01 :Mempertingkat Kualiti dan Daya Saing Graduan

| Bil. | Objektif Strategik (OS) | Pelan Tindakan (PT) | Program | Sasaran | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) |
|---|---|---|---|---|---|
| OB1 | Menyediakan prasarana dan kemudahan bahan pengajaran dan pembelajaran untuk menggalakkan penggunaan inovasi dalam kursus | PT1.Penyediaan platform pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian | Memperkasa aplikasi Putra Learning Hub dan MOOC | 2017-2020 | 2017– 2020 : Mengkaji , merancang dan melaksanakan naik taraf aplikasi mengikut keperluan serta teknologi semasa |
| | | PT2 Pengukuhan perkhidmatan pusat data | Meningkatkan kapasiti dan keupayaan infrastruktur server yang menyokong sistem online learning | 2017-2020 | Bilangan CPU (core) :<br><br>2017- Fasa1 (25%- 500 core)<br>2018- Fasa2 (50%- 1000 core)<br>2019- Fasa3 (75%- 1500 core)<br>2020 - Fasa4 (100%- 2000 core) |



# 6.0 Matlamat Pelan Strategik ICT UPM 2017- 2020

## Matlamat 03 : Melonjakkan Perkhidmatan Jaringan Industri dan Masyarakat

| Bil. | Objektif Strategik (OS) | Pelan Tindakan (PT) | Program | Sasaran | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) |
|---|---|---|---|---|---|
| OB2 | Mempergiat aktiviti pemasaran kepakaran dan mendapatkan sumber dari pihak industri dan komuniti bagi membangun dan melaksanakan program JINM | PT1. Memasarkan kepakaran iDEC kepada komuniti dalam dan luar negara | (a) Menjalinkan hubungan dengan komuniti<br>(b) Menjalankan program transformasi komuniti dan pembangunan pemajuan profesional | 2017- 2020 | Komuniti dalam /luar negara<br><br>2017- 1setahun<br>2018- 2 setahun<br>2019- 2020 : 3 setahun |
| | | PT2 . Mewujudkan Jalinan Industri sebagai pemangkin perkhidmatan ICT kampus yang cemerlang. | (a) Menjalinkan hubungan usaha sama strategik dan kepakaran teknikal dengan industri | 2017- 2020 | Bilangan Jalinan Industri<br><br>2017- 1setahun<br>2018- 2020 : 2 setahun |
| | | | (b) Mewujudkan program kerjasama lonjakan inovasi dengan industri bagi menyokong perkongsian kepakaran dan pemindahan teknologi bagi peningkatan tahap kompetensi staf | 2017- 2020 | Bilangan Program Kerjasama<br><br>2017- 1setahun<br>2018- 1setahun<br>2019- 1setahun<br>2020 - 1setahun |



# 6.0 Matlamat Pelan Strategik ICT UPM 2017- 2020

## Matlamat 05 : Mempertingkat Kualiti Tadbir Urus

| Bil. | Objektif Strategik (OS) | Pelan Tindakan (PT) | Program | Sasaran | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) |
|---|---|---|---|---|---|
| OB3 | Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan | PT1 . Perkhidmatan guna sama yang optimum | (a) Meningkatkan perkongsian sumber ICT secara terurus dan berpusat | 2017- 2020 | 2017- 2020: Perkongsian server menggunakan teknologi Cloud<br>Penjimatan kos<br>2017- 2019 :Pemusatan sistem utama universiti |
| | | | (b) Memantau dan mengurus secara berpusat pelaksanaan perkhidmatan ICT | 2017- 2019 | 2017- Pelancaran dan penggunaan SPICT<br>2018 - Penambahbaikan<br>2019 - Pemurniaan (modul penyelenggaraan dan pembangunan ) |
| | | | (c) Memantau Pencapaian KPI perkhidmatan ICT Universiti secara dalam talian (online) dan masa nyata (real - time) | 2017- 2019 | 2017 - Pembangunan Sistem Dashboard ICT UPM<br>2018 - Pelancaran dan penggunaan Sistem Dashboard ICT UPM<br>2019 - Penambahbaikan<br>2020 – Pemurniaan |
| | | PT2. Memantapkan polisi dan prosedur ICT | Menyemak dan menggubal prosedur baharu mengikut keadaan semasa | 2017- 2020 | 2017- Kod polisi dan prosedur<br>2017 - Semakan Garis Panduan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (GPTMK)<br>2017 - Semakan Garis Panduan Capaian Internet<br>2017- Garis Panduan Kelayakan Kemudahan ICT<br>2017- Semakan Kaedah TMK |



# 6.0 Matlamat Pelan Strategik ICT UPM 2017- 2020

## Matlamat 05 : Mempertingkat Kualiti Tadbir Urus

| Bil. | Objektif Strategik (OS) | Pelan Tindakan (PT) | Program | Sasaran | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) |
|---|---|---|---|---|---|
| OB3 | Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan | PT3 . Memastikan perkhidmatan digital selamat dan boleh dipercayai | (a) Mengukuhkan tahap keselamatan ICT | 2017- 2020 | Peratusan insiden keselamatan :<br>2017– 9%<br>2018– 8%<br>2019– 7%<br>2020 - 6% |
| | | | (b) Menerapkan elemen pengukuhan keselamatan dalam pembangunan sistem aplikasi | 2017 | Pemurniaan prosedur pembangunan sistem aplikasi |
| | | | (c) Meluaskan skop pensijilan ISMS | 2017- 2020 | 2017- Kenalpasti skop peluasan<br>2018- Kajian keperluan<br>2019- Kecukupan<br>2020 - Pematuhan dan pensijilan |
| | | PT4.Mentadbir urus ICT yang kolaboratif dan dinamik | (a) Memantapkan kepimpinan dan tadbir urus perancangan (Memperkukuhkan pengurusan dan kefungsian organisasi ICT yang dinamik dan efisien) | 2017- 2020 | 2017 :penstrukturan semula iDEC dengan melibatkan Pakar Akademik dan Industri<br>2018- semakan keberkesanan penstrukturan iDEC |
| | | | (b) Menerapkan konsep *Smart, Secure, Safe, Shared & Seamless* (5S) ICT *Campus Environment* dalam pembangunan persekitaran ICT kampus UPM | 2017 - 2020 | Sistem CCTV UPM (seluruh kampus)<br>2017 - Kajian pelaksanaan<br>2018 – fasa I<br>2019 – fasa II |



# 6.0 Matlamat Pelan Strategik ICT UPM 2017- 2020

## Matlamat 05 : Mempertingkat Kualiti Tadbir Urus

| Bil. | Objektif Strategik (OS) | Pelan Tindakan (PT) | Program | Sasaran | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) |
|---|---|---|---|---|---|
| OB4 | Melaksanakan projek pembangunan infrastruktur seiring dengan teknologi semasa | PT1 Memantapkan ketersediaan kemudahan ICT pengguna | Menaik taraf kemudahan ICT dalam menyokong aktiviti pentadbiran, pengajaran dan penyelidikan. | 2017- 2020 | Satu (1) kajian setiap tahun<br>100% komputer di makmal pengajaran dilengkapi kemudahan Internet<br>100% makmal komputer pengajaran dilengkapi perisian berlesen<br>100% dewan kuliah dilengkapi dengan kemudahan ICT |
| | | PT2.Meluaskan dan meningkatkan perkhidmatan rangkaian UPMNet | (a) Memperluas peratus liputan rangkaian tanpa wayar kampus | 2017- 2020 | 2017 – 100% liputan tanpa wayar di UPM<br>2018 – 80%<br>2019 – 90%<br>2020 – 100% |
| | | | (b) Meningkatkan kapasiti jalur lebar secara berkala | 2017- 2020 | 2017 – 2.4Gbps<br>2018 – 2.6Gbps<br>2019 – 2.7Gbps<br>2020 – 3.0Gbps |
| | | | (c) Meningkatkan kapasiti capaian Internet kampus melalui pelaksanaan Projek MyREN X oleh KPT | 2017- 2020 | Kapasiti jalur lebar permulaan sebanyak 10Gbps (2019) dan sasaran 100Gbps untuk setiap Universiti Awam (UA)<br>2017 – 2Gbps (20%)<br>2018 – 5Gbps (40%)<br>2019 – 10Gbps (60%)<br>2020 – 100Gbps (100%) |
| | | | (d) Menaik taraf kemudahan *access switch* dan *distribution switch* fakulti | 2017 - 2020 | 2017 – 20%<br>2018 – 40%<br>2019 – 80%<br>2020 – 100% |
| | | | (e) Menaik taraf fiber optik bagi sambungan utama *switch* rangkaian | 2017 - 2020 | 2017 – 20%<br>2018 – 40%<br>2019 – 80%<br>2020 – 100% |

# 6.0 Matlamat Pelan Strategik ICT UPM 2017- 2020

## Matlamat 05 : Mempertingkat Kualiti Tadbir Urus

| Bil. | Objektif Strategik (OS) | Pelan Tindakan (PT) | Program | Sasaran | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) |
|---|---|---|---|---|---|
| OB4 | Melaksanakan projek pembangunan infrastruktur seiring dengan teknologi semasa | PT3 .Menyediakan perkhidmatan server yang efisien | Membangunkan perkhidmatan *Private Cloud* dikenali sebagai *Putra Cloud* yang akan dilaksanakan secara berfasa (4 fasa). Peningkatan kapasiti setiap fasa adalah :<br>CPU : 500 core<br>RAM : 3200 GB<br>Storan : 375 TB | 2017 - 2020 | Bilangan CPU (core) :<br><br>2017 - Fasa 1(25%- 500 core)<br>2018 - Fasa 2 (50%- 1000 core)<br>2019 - Fasa 3 (75%- 1500 core)<br>2020 - Fasa 4 (100%- 2000 core) |
| | | PT4. Menaiktaraf sistem telekomunikasi | (a) Mentransformasi sistem telekomunikasi sedia ada seiring teknologi semasa | 2017 - 2020 | 2018 - 60%Penambahan aplikasi tambahan (value added services)]<br>2019 - 90% (Pengurangan kebergantungan kepada sistem PABX yang lama)<br>2020 - 100%(Pemusatan sistem telekomunikasi) |
| | | | (b) Menambah laluan lurang (manhole) bagi keperluan sambung fiber optik dan telekomunikasi tambahan | 2017 - 2020 | 2017 – 20%<br>2018 – 40%<br>2019 – 80%<br>2020 – 100% |



# 6.0 Matlamat Pelan Strategik ICT UPM 2017- 2020

## Matlamat 05 : Mempertingkat Kualiti Tadbir Urus

| Bil. | Objektif Strategik (OS) | Pelan Tindakan (PT) | Program | Sasaran | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) |
|---|---|---|---|---|---|
| OB5 | Memperkasakan sumber manusia dengan kemahiran ICT | PT1 Meningkatkan perkongsian sumber ICT secara terurus dan berpusat | (a) Pengurusan sumber bagi projek pembangunan infrastruktur & infostruktur secara sistematik, berpusat & menyeluruh | 2017- 2020 | Peratus ketersediaan sumber<br><br>2017– 40%<br>2018 - 60%<br>2019– 80%<br>2020 – 100% |
| | | | (b) Membangunkan persekitaran '*pool of system developer*' bagi mempertingkatkan pengurusan sumber manusia bagi pembangunan sistem universiti | 2017 - 2020 | Peratus Ketersediaan Persekitaran<br><br>2017 – 70%<br>2018 – 100% |
| | | PT2. Mewujudkan modal insan yang profesional dan berkeupayaan | (a) Pembangunan pelan latihan (20 tahun perkhidmatan) | 2017 - 2020 | Perancangan pelan latihan mengikut gred (*Training Road Map*)<br>2017 : Penyediaan modul<br>2018 - 2020 : Pelaksanaan Latihan |
| | | | (b) Program pensijilan dan pengiktirafan | 2017 - 2020 | Bilangan staf (1 orang setiap bidang iaitu Rangkaian, Keselamatan, ISO, Sistem/Aplikasi/Database):<br><br>2017 - 4 orang<br>2018 - 4 orang<br>2019 - 4 orang<br>2020 - 4 orang |
| | | | (c) Program sangkutan (*attachment*) di agensi luar/syarikat swasta/Universiti Awam | 2017 - 2020 | Bilangan staf:<br>2017 - 1 orang<br>2018 - 1 orang<br>2019 - 1 orang<br>2020 - 1 orang |

# 6.0 Matlamat Pelan Strategik ICT UPM 2017- 2020

## Matlamat 05 : Mempertingkat Kualiti Tadbir Urus

| Bil. | Objektif Strategik (OS) | Pelan Tindakan (PT) | Program | Sasaran | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) |
|---|---|---|---|---|---|
| OB6 | Memperkasakan sistem aplikasi ICT | PT1 Menyediakan perkhidmatan digital bersepadu | (a) Melebar luas perkhidmatan digital yang berkualiti dan menyeluruh (SPICT) | 2017- 2018 | Peratusan modul dibangunkan<br>2017– 80%<br>2018– 100% |
| | | | (b) Menyediakan perkhidmatan Single Sign - On (SSO) bagi aplikasi yang dibangunkan dan digunakan secara dalaman | 2017- 2020 | Peratusan aplikasi yang mengimplementasikan SSO (senarai berdaftar )<br>2017– 30%<br>2018– 60%<br>2019– 80%<br>2020 – 100% |
| | | | (c) Menyediakan portal perkhidmatan aplikasi ICT yang mesra pengguna (Portal Putra) | 2017 | Peratusan pembangunan Portal UPM<br>2017– 100% |
| | | | (d) Menambah baik dan memantapkan portal perkhidmatan aplikasi ICT selaras perkembangan teknologi | 2018- 2020 | 2018– 30%<br>2019– 70%<br>2020 – 100% |
| | | | (e) Mentransformasi sistem aplikasi secara bersepadu berdasarkan kebolehgunaan dan perkembangan teknologi | 2018– 2020 | 2 Sistem Utama<br>2018– 1<br>2020 - 2 |
| | | PT2.Memantapkan pengurusan pembangunan sistem | Mewujudkan dan memantapkan SOP bagi pengurusan aplikasi | 2017- 2020 | Peratusan SOP yang lengkap dibangunkan<br>– 50%<br>2018– 100% |

# 7.0 JAWATANKUASA PEMANTAUAN PELAN STRATEGIK ICT UPM 2017-2020




Penubuhan Jawatankuasa ini bertujuan meneliti, mengkaji dan mengemukakan cadangan penambahbaikan atau inisiatif lain berkaitan perancangan, pelaksanaan, pelan tindakan dan pencapaian keberhasilan Pelan Strategik ICT UPM 2017-2020.

Laporan hasil penelitian Jawatankuasa ini akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan Lembaga Pengarah UPM untuk pertimbangan dan kelulusan bagi mana-mana cadangan atau pandangan berkaitan.

Jawatankuasa ini berfungsi berdasarkan terma berikut:

- menyemak, mengkaji dan membuat cadangan yang signifikan terhadap pelan strategik;
- menimbangkan secara strategik inisiatif baru dalam pelan strategik yang dikemukakan oleh pemegang taruh tertakluk kepada keupayaan sumber universiti; dan
- menyediakan khidmat nasihat kepada Naib Canselor berkaitan pelan strategik untuk mana-mana keperluan yang berkaitan.




# 8.0 Faktor Kritikal Kejayaan

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

# TERIMA KASIH

# PELAN STRATEGIK ICT UPM 2017- 2020